

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA
[PARIT]**

TARIKH : 3 DISEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 30

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan

- (a) apakah pendirian Kementerian berkenaan cadangan memperkenalkan seni khat dan tulisan jawi bagi mata pelajaran Bahasa Melayu tahun empat menjelang tahun hadapan; dan
- (b) adakah terdapat sebarang perbincangan yang telah diadakan di antara Kementerian bersama pertubuhan pendidikan Cina dan India bagi meredakan keresahan mereka berhubung keputusan Kementerian memperkenalkan seni khat dan tulisan jawi bagi mata pelajaran Bahasa Melayu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan meneruskan pengajaran tulisan jawi pada tahun 2020 bagi murid Tahun 4 seperti yang dirancang dengan membuat beberapa penambahbaikan berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 14 Ogos 2019 berkaitan pernyataan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) mata pelajaran Bahasa Melayu.

Antara matlamat pengajaran dan pembelajaran tulisan jawi dan khat di sekolah adalah bagi memastikan tulisan jawi dimartabatkan sebagai sejarah warisan negara dan seterusnya diperkasakan dalam kalangan murid berbilang bangsa.

- (b) Menyentuh tentang sesi perbincangan dengan persatuan pendidikan Cina dan India, KPM ingin memaklumkan bahawa beberapa sesi pertemuan dan perbincangan berkaitan seni khat dan tulisan jawi telah diadakan antara KPM dengan Pertubuhan Pendidikan Cina dan India bagi meredakan keresahan mereka.

Sekian, terima kasih.